

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 28 Disember 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI
MALAYSIA, NOVEMBER 2021

Eksport Malaysia Meningkat 32.4 peratus pada November 2021, Memacu Jumlah Dagangan Mencecah RM2 trilion dalam Tempoh 11 bulan

PUTRAJAYA, 28 Disember 2021 – Eksport Malaysia kekal kukuh dalam trend meningkat pada November 2021. Eksport naik 32.4 peratus kepada RM112.2 bilion berbanding November 2020, bulan keempat berturut-turut pertumbuhan dua angka sejak Ogos 2021. Import juga mencatatkan pertumbuhan dua digit 38.0 peratus kepada RM93.3 bilion, tahun ke tahun. Selari dengan prestasi kukuh, jumlah dagangan berkembang 34.9 peratus kepada RM205.5 bilion berbanding bulan yang sama pada 2020 sebagai mana dilaporkan dalam **BULETIN PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, NOVEMBER 2021** hari ini. Laporan ini turut memaparkan prestasi import dan eksport mengikut produk dan rakan dagangan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Eksport Malaysia pada November 2021 mencatat pertumbuhan dua digit 32.4 peratus tahun ke tahun, disokong oleh eksport domestik dan eksport semula. Eksport domestik berjumlah RM93.7 bilion dan menyumbang 83.5 peratus kepada jumlah eksport, berkembang 34.3 peratus. Manakala, eksport semula mencatatkan RM18.5 bilion, meningkat 23.9 peratus berbanding November 2020. Import pada November 2021 bernilai RM93.3 bilion, meningkat 38.0 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas. Jumlah dagangan meningkat 34.9 peratus daripada RM152.3 bilion pada November 2020 kepada RM205.5 bilion dan lebihan dagangan, dengan nilai RM18.9 bilion menjadikannya lebihan dagangan yang ke-19 bulan berturut-turut sejak Mei 2020. Selaras dengan pemulihan dalam aktiviti ekonomi global, prestasi bulan ke bulan import dan jumlah dagangan juga mencatatkan pertumbuhan positif, masing-masing meningkat 5.9 peratus dan 1.5 peratus. Sebaliknya, eksport menurun sedikit 1.9 peratus dan lebihan dagangan berkurang 28.1 peratus.

Pertumbuhan ini digambarkan melalui 192 daripada 255 kumpulan barang untuk eksport menunjukkan peningkatan berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi import, 191 daripada 258 kumpulan merekodkan pertumbuhan positif."

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan bahawa peningkatan eksport disumbangkan terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi ke Amerika Syarikat (+RM3.3 bilion) diikuti China (+RM2.9 bilion), Singapura (+RM2.6 bilion), Viet Nam (+RM2.5 bilion), Kesatuan Eropah (+RM2.1 bilion), India (+RM2.0 bilion), Indonesia (+RM1.9 bilion), Jepun (+RM1.4 bilion) dan Republik Korea (+RM1.2 bilion). Sementara itu, China terus menjadi penyumbang utama kepada peningkatan import (+RM4.9 bilion), diikuti Singapura (+RM3.1 bilion), Kesatuan Eropah (+RM2.9 bilion), Republik Korea (+RM2.5 bilion), Indonesia (+RM2.4 bilion), Taiwan (+RM2.4 bilion), Thailand (+RM1.4 bilion), Viet Nam (+RM1.3 bilion) dan Amerika Syarikat (+RM1.0 bilion).


Peningkatan eksport didorong oleh barang elektrik & elektronik (+RM5.9 bilion); keluaran petroleum (+RM5.1 bilion); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasakan minyak kelapa sawit (+RM3.9 bilion); barang perkilangan logam (+RM2.5 bilion); kimia & bahan kimia (+RM2.0 bilion); gas asli cecair (+RM1.9 bilion); barang perkilangan berasaskan minyak kelapa sawit (+RM1.3 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.1 bilion) dan barang besi & keluli (+RM1.0 bilion). Sementara itu, kenaikan import dicatatkan bagi barang elektrik & elektronik (+RM8.5 bilion); keluaran petroleum (+RM5.2 bilion); kimia & bahan kimia (+RM2.6 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.2 bilion), barang perkilangan logam (+RM986.8 juta) dan barang besi & keluli (+RM922.2 juta).

Pertumbuhan import bagi Penggunaan Akhir disokong oleh kenaikan permintaan bagi barang perantaraan, barang modal dan barang penggunaan. Import barang perantaraan (58.6% daripada jumlah import) berjumlah RM54.7 bilion, meningkat RM17.6 bilion atau 47.4 peratus. Barang modal (10.2% daripada jumlah import) mencatatkan kenaikan 32.1 peratus daripada RM7.2 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM9.5 bilion. Import barang penggunaan yang berjumlah RM7.7 bilion, meningkat 22.8 peratus berbanding November 2020, dan merangkumi 8.3 peratus daripada jumlah import.


Di samping itu bagi tempoh Januari hingga November 2021, jumlah dagangan, eksport dan import mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh, mengatasi prestasi Oktober. Jumlah dagangan Malaysia kali pertama mencecah dua trilion, berkembang 24.6 peratus daripada tempoh yang sama pada 2020. Selaras dengan prestasi dagangan, eksport dan import juga mencatatkan pertumbuhan dua angka masing-masing 25.7 peratus, bernilai RM1.1 trlion dan 23.3 peratus, berjumlah RM894.4 bilion. Manakala, lebihan dagangan berkembang 36.2 peratus kepada RM221.5 bilion berbanding tempoh yang sama pada 2020.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.


**Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2019 – Nov 2021
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)**



**Carta 2: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2019 – Nov 2021
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)**



Carta 3: Prestasi Eksport mengikut Rakan Dagang Utama, Jan 2020 – Nov 2021
(Peratus Perubahan Tahunan)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 DISEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, December 28th, 2021



MEDIA STATEMENT

FOR MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS, NOVEMBER 2021

***Malaysia's Exports Soared by 32.4 per cent in November 2021, Lead Total
Trade to Hit RM2 trillion marks in the Period of 11 months***

PUTRAJAYA, December 28, 2021 – Malaysia's exports performance in November 2021 remained resilient with an upward trend. Exports increased by 32.4 per cent to RM112.2 billion compared to November 2020, the fourth consecutive month of double-digit growth since August 2021. Imports also registered a strong growth of 38.0 per cent to RM93.3 billion, year-on-year (y-o-y). Consistent with the outstanding performances, total trade expanded by 34.9 per cent to RM205.5 billion compared to the same month in 2020 as reported today in **MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BULLETIN, NOVEMBER 2021**. This report also presents the performance of imports and exports by product and trading partner.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said "Malaysia's exports in November 2021 posted a double-digit growth of 32.4 per cent y-o-y, supported by both domestic exports and re-exports. Domestic exports stood at RM93.7 billion and contributed 83.5 per cent to the total exports, widened by 34.3 per cent. While, the re-exports registered RM18.5 billion, increased by 23.9 per cent as compared to November 2020. Imports in November 2021 amounted to RM93.3 billion, higher by 38.0 per cent as compared to the same month of the previous year. Total trade expanded by 34.9 per cent from RM152.3 billion in November 2020 to RM205.5 billion and trade surplus, with a value of RM18.9 billion, marked the 19th consecutive month of trade surplus since May 2020. In accordance to the recovery in global economic activity, the month-on-month performance of imports and total trade were also remarked positive growths, higher by 5.9 per cent and 1.5 per cent, respectively. In contrast, exports decreased marginally by 1.9 per cent and trade surplus declined by 28.1 per cent.

This performance was portrayed in 192 out of 255 commodity groups for exports showed increases as compared to the same month of the previous year. As for imports, 191 of 258 groups posted positive growths."

The Department of Statistics Malaysia also reported, the rise in exports was attributable mainly to the higher exports to the United States (+RM3.3 billion), followed by China (+RM2.9 billion), Singapore (+RM2.6 billion), Viet Nam (+RM2.5 billion), the European Union (+RM2.1 billion), India (+RM2.0 billion), Indonesia (+RM1.9 billion), Japan (+RM1.4 billion) and Republic of Korea (+RM1.2 billion). On a similar note, China continued to be the major contributor to the increase in imports (+RM4.9 billion), followed by Singapore (+RM3.1 billion), the European Union (+RM2.9 billion), Republic of Korea (+RM2.5 billion), India (+RM2.4 billion), Taiwan (+RM2.4 billion), Thailand (+RM1.4 billion), Viet Nam (+RM1.3 billion) and the United States (+RM1.0 billion).


The expansion in exports was driven by electrical & electronic products (+RM5.9 billion); petroleum products (+RM5.1 billion); palm oil & palm oil-based agriculture products (+RM3.9 billion); manufacture of metal (+RM2.5 billion); chemical & chemical products (+RM2.0 billion); liquefied natural gas (+RM1.9 billion); palm oil-based manufactured products (+RM1.3 billion); machinery, equipment & parts (+RM1.1 billion) and iron & steel products (+RM1.0 billion). Meanwhile, the rise in imports were noted for electrical & electronic products (+RM8.5 billion); petroleum products (+RM5.2 billion); chemical & chemical products (+RM2.6 billion); machinery, equipment & parts (+RM1.2 billion); manufacture of metal (+RM986.8 million) and iron & steel products (+RM922.2 million).

The expansion in imports by End Use sustained by higher demand for intermediate goods, capital goods and consumption goods. Imports of intermediate goods (58.6% of the total imports) totaled RM54.7 billion, increased by RM17.6 billion or 47.4 per cent. Capital goods (10.2% of total imports) registered an increase of 32.1 per cent from RM7.2 billion in the preceding year to RM9.5 billion. Imports of consumption goods which amounted to RM7.7 billion, rose by 22.8 per cent as compared to November 2020, and comprised of 8.3 per cent of total imports.


Furthermore, in the period of January to November 2021, total trade, exports and imports maintained its strong growth momentum, outperformed October. Malaysia's total trade first time ever surpassed the two trillion mark, expanding by 24.6 per cent from the corresponding period in 2020. Consistent with the trade's performance, exports and imports also registered double-digit growths of 25.7 per cent, with a value of RM1.1 trillion and 23.3 per cent, which amounted to RM894.4 billion, respectively. While, trade surplus expanded by 36.2 per cent to RM221.5 billion compared to the same period in 2020.

Thank you and highest appreciation to all Malaysia residents including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.


*Chart 1: External Trade Statistics, Jan 2019 – Nov 2021
(Value and Annual Percentage Change)*



*Chart 2: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,
Jan 2019 – Nov 2021
(Value and Annual Percentage Change)*



*Chart 3: Performance of Exports for Major Trading Partners, Jan 2020 – Nov 2021
(Annual Percentage Change)*



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN
MALAYSIA DEPARTMENT OF
STATISTICS, MALAYSIA
28 DECEMBER 2021**